

Jepun setuju runding buka universiti di M'sia

Malaysiakini

6 November 2018

Kamarul Ariffin Md Yassin

Kerajaan Jepun bersetuju untuk memulakan konsultasi menyeluruh bagi menubuhkan cawangan universiti Jepun di Malaysia, kata Perdana Menteri Shinzo Abe.

"Mengenai permintaan Perdana Menteri Mahathir (Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad) untuk pembukaan kampus cawangan universiti di Jepun, kami bersetuju untuk memulakan konsultasi menyeluruh ke arah merealisasikan idea itu," katanya semasa sidang akhbar bersama Dr Mahathir di Tokyo, hari ini.

Terdahulu, Dr Mahathir dan Abe mengadakan mesyuarat delegasi di Pejabat Perdana Menteri Jepun.

Pada semalam, Dr Mahathir melahirkan harapan untuk melihat universiti Jepun mempunyai cawangan mereka di Malaysia bagi membolehkan pelajar Malaysia bukan sahaja didedahkan kepada sistem pendidikan Jepun, tetapi juga untuk mempelajari budaya mereka.

Sementara itu, Abe berkata Jepun tetap komited untuk meneruskan kerjasama dalam Dasar Pandang Ke Timur Malaysia dalam bidang seperti pendidikan, promosi pelaburan, sumber manusia dan pemindahan teknologi.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/450702>